

# Sarjana perlu hasilkan lebih banyak buku - Zahid Hamidi

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**

rodelio.taucan@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 26 Nov.** - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengesakan golongan sarjana menghasilkan lebih banyak buku intelektual yang menepati cita rasa pembaca zaman sekarang bagi menampung kekurangan jumlah penerbitan buku negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, golongan tersebut perlu keluar daripada kepompong lama dan pemikiran jumud untuk menghasilkan penulisan yang lebih kreatif agar boleh dipasarkan sehingga ke luar negara, bukannya sekadar penerbitan jurnal atau kaji selidik universiti semata-mata.

Katanya, jumlah penerbitan buku negara pada tahun lalu hanyalah kira-kira 15,000 judul yang masih di bawah standard Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) iaitu satu peratus daripada jumlah penduduk atau sebanyak

27,000 judul buku.

"Pada hemat saya, jangan hanya dipersalahkan soal permintaan dan pasaran apabila kemampuan untuk membeli buku itu tidak ada tetapi kita juga perlu melihat kebolehpasaran sesuatu buku.

"Pada masa sama, kita harus tanya para sarjana adakah buku yang diterbitkan itu mempunyai kualiti tinggi, memenuhi cita rasa dan boleh diantarabangsakan atau diterjemahkan kepada pelbagai bahasa untuk mencakupi pasaran buku antarabangsa," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Buku Negara dan Pelancaran Buku Hang Tuah: Catatan Okinawa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN), Hasan Hamzah; Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Datuk Dr. Awang Sariyan dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Penerima anugerah Tokoh Buku Negara 2015 adalah Prof. Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas manakala Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dinobatkan penerima Tokoh Sejarawan 2015.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan akan memperuntukkan dana sebanyak RM2 juta pada tahun depan kepada YPBN, bagaimanapun yayasan tersebut perlu mencapai sasaran penerbitan sebanyak 27,000 buah judul buku baharu.

Menurutnya, peranan golongan sarjana penting untuk membantu mencapai sasaran kerajaan melahirkan lebih ramai cendekiawan yang menjadi rujukan di peringkat antarabangsa serta menerima Hadiah Nobel menjelang hari kemerdekaan yang ke-100 pada tahun 2057.

Dalam pada itu katanya, industri penerbitan negara perlu selaras dengan perkembangan teknologi baharu yang tidak lagi bergantung kepada bahan cetak semata-mata untuk menarik jumlah pembaca yang lebih ramai.